



AKHBAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	10/12/2019
JABATAN	:	JPS
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

# Masalah banjir kilat bakal diatasi

**Penduduk Kampung Parit Pasir gembira kerajaan negeri beri perhatian**

NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN

**P**enduduk Kampung Parit Pasir Pekan Nanas gembira kerana pihak berkuasa sudah mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan tersebut yang sudah berlarutan lebih 20 tahun.

Selain itu, penduduk turut mencadangkan agar sistem perparitan diperbe-

sarkan bagi membolehkan saliran air lebih sistematik kerana kampung terbabit terletak di laluan perparitan utama Pekan Nanas.

Pekerja swasta, Mohd Jumadi Roslan, 40, berkata, sebelum ini sebanyak 15 keluarga akan terjejas jika hujan lebat dan keadaan lebih serius pada musim tengkujuh.

"Walaupun banjir cepat surut namun akan berlaku banyak kerosakan dan membahayakan nyawa. Jika tiada tindakan penduduk akan terus bermasalah," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pekan Nanas, Yeo Tung Siong berkata, pihaknya sudah membuat lawatan ke Kampung Parit Pasir bagi meninjau tapak

pemasangan longkang bentuk U.

Katanya, projek terbabit melibatkan kos RM200,000 bagi tujuan mengatasi banjir kilat yang sering berlaku di kawasan Parit Pasir.

"Maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyatakan bahawa projek tersebut sehingga kini hanya mencapai tahap 50 peratus siap.

"Maklumat tambahan yang diperolehi adalah laluan air keluar dari parit yang baru dinaik taraf akan dipasangkan injap agar aliran air dari parit besar tidak masuk ke parit kecil sehingga menyebabkan limpahan air di kawasan kediaman masyarakat setempat," katanya.



Tung Siong (tengah) melihat keadaan sistem perparitan di Kampung Parit Pasir baru-baru ini.

## Kereta doktor terhumban dalam sungai



Kereta yang dinaiki mangsa terperangkap dalam sungai dengan kedalaman 0.3 meter semalam.

**SEGAMAT** - Seorang doktor berdepan detik cemas apabila kenderaan dipandunya terbabas sebelum terhumban dalam sungai di Jalan Felda Redong di sini pagi semalam.

Difahamkan, sebelum kejadian, Nur Syarifah Hidayu Hassan, 25, dalam perjalanan pulang ke rumah selepas tamat tempoh bertugas di Hospital Segamat.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Labis, Pegawai Bomba Kanan II, Sharfini Nasar berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 12.22 tengah hari.

"Kejadian membabitkan kemalangan sebuah kereta jenis Perodua Myvi yang

dipandu seorang wanita ketika menyusuri jalan berkenaan sebelum terbabas dan memasuki kawasan sungai berhampiran.

"Kereta dinaiki mangsa itu kemudiannya terperangkap dalam sungai dengan kedalaman 0.3 meter sebelum diselamatkan anggota kecemasan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Sharfini berkata, mangsa bagaimanapun tidak mengalami sebarang kecederaan serius dan dihantar ke Hospital Segamat dengan menggunakan van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS).

"Mangsa dibawa ke hospital dengan ditemani ibunya sebelum operasi ditamatkan sepenuhnya jam 1.33 petang," katanya.